

**SISI PANDANG MAJLIS KONVENTSYEN MADANI PENGURUSAN KEFATWAAN  
KONTEMPORARI BAGI SLOT BICARA MUFTI SEMPENA LIQA' MAHABBAH  
JABATAN/PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN SE-MALAYSIA KALI KE-3  
2024M/1446H**

1. Semalam ketika berlangsung Slot Bicara Mufti sempena Liqa' Mahabbah, S.S. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Zainal Abidin, Mufti Negeri Perlis menzahirkan kritikan menerusi sesi soal jawab terhadap para panel Slot Bicara Mufti terutamanya Prof Dr. Arieff Salleh (AJK MKI) kerana Prof Dr. Arieff Salleh dalam sesinya mempertahankan RUU Mufti Wilayah Persekutuan (WP) dengan hujjahnya yang ilmiah.
2. Penganjur majlis ini ialah Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, dilaksanakan di Wilayah Persekutuan, maka tidak salah untuk ahli panel membentangkan butiran hujahan untuk memperkasakan institusi mufti sesuai dengan tajuk majlis Cabaran Semasa Memperkasakan Institusi Mufti Dan Kefatwaan Di Malaysia. Adalah menjadi keistimewaan sebagai tuan rumah untuk berkongsi pengalaman dan membuat penerangan terhadap RUU yang dicadangkan kepada rakan-rakan Mufti serta anggota Jabatan Mufti negeri- negeri sebagai mana negeri-negeri lain juga berhak untuk berkongsi pengalaman kepada Mufti-Mufti negeri lain jika majlis berkenaan berlaku di negeri tersebut.
3. Sejak daripada awal lagi, rakyat Malaysia telah terleka dengan momokan naratif yang tidak ilmiah yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu sedangkan menurut hakikatnya, RUU Mufti Wilayah Persekutuan sama sekali tidak membabitkan negeri-negeri lain.
4. Adalah menjadi hak Wilayah Persekutuan untuk menetapkan pegangan aqidah mana yang hendak dipegang dan diyakini bersesuaian seperti mana juga negeri Perlis dalam fatwanya (Bil.1/67, Tahun 2024) menjelaskan bahawa "Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dipilih untuk dijadikan pegangan adalah aliran Ahl al-Hadīth".
5. Jika Perlis telah menetapkan aqidah yang mereka pilih ialah aliran Ahl al-Hadith, maka Wilayah Persekutuan juga berhak untuk menetapkan aqidah yang mereka pilih ialah al Asyairah al Maturidiah.
6. Menyedari Duli Yang Maha Mulia Seri paduka Baginda Yang DiPertuan Agong ke-17 dari Johor dan Prof. Dr. Arieff Salleh pula Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, maka tiada salahnya Prof. Dr. Arieff mempertahankan pegangan aqidah Ahli Sunah Wal Jamaah seperti dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 yang bersesuaian dengan intipati dan kehendak RUU

Mufti Wilayah Persekutuan yang mentakrifkan Ahli Sunah Wal Jamaah adalah al Asyairah al Maturidiah.

7. Setakat rekod, terdapat 14 orang Mufti yang dilantik dan berkhidmat di Malaysia, 12 daripada mereka menyokong RUU Mufti Wilayah Persekutuan, seorang Mufti tidak menyatakan sokongan kerana mempunyai asas tertentu dan seorang Mufti secara nyata menyatakan bantahan, maka ini jelas menunjukkan majoriti autoriti agama dan fatwa menyokong RUU Mufti Wilayah Persekutuan.
8. Kami berpandangan, S.S. Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri Zainal Abidin, Mufti Negeri Perlis perlu fokus pada negeri sendiri tanpa mencampuri usaha-usaha yang dibuat oleh negeri-negeri lain mengikut kesesuaian seperti yang diputuskan pihak autoriti negeri berkenaan, termasuk usaha-usaha yang dijalankan di Wilayah Persekutuan kerana wilayah ini mempunyai mufti dan autoritinya yang tersendiri.
9. Orang awam dan para netizen dinasihatkan untuk mengikuti rakaman penuh Slot Bicara Mufti tersebut supaya dapat melihat gambaran sebenar penerangan yang telah dibuat tanpa menghukum tanpa mengetahui keadaan sebenar.

**NADWAH AHLI SUNAH WAL JAMAAH DARUL RIDZUAN**

Di bawah kelolaan

Jabatan Mufti Negeri Perak

27 Ogos 2024